

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Langkah kurangkan kerajaan berhutang

Melalui subsidi bersasar, hasil penjimatan disalurkan untuk projek pembangunan

Oleh **ASYIKIN ASMIN**
KOTA KINABALU

Subsidi bersasar yang dilaksanakan adalah sebagai langkah untuk mengurangkan keperluan kerajaan terus berhutang, selain hasil penjimatan itu boleh disalurkan untuk projek pembangunan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, jumlah hutang negara ketika ini sebanyak RM1.3 trilion iaitu secara kasarnya nisbah hutang negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kerajaan sudah mencecah 70 peratus.

"Dalam keadaan hutang negara itu akan memberi kesan terus kepada rakyat dan kerajaan negeri iaitu pertama, ruang untuk berhutang semakin sempit. Kedua, bayaran faedah tahunan juga tinggi.

"Buat masa kini, jumlahnya telah mencecah hampir RM40 bilion dan itu menyebabkan ia mengambil sumber yang sepatut-

nya dibelanjakan untuk pembangunan," katanya ketika berucap dalam sesi libat urus bersama kerajaan Sabah di Pusat Konvensyen Antara-bangsa Sabah (SICC) di sini pada Selasa.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu mengambil langkah secara terus dalam tempoh setahun hingga dua tahun ini menerusi tata kelola dan perolehan yang lebih baik supaya ia dapat disalurkan semula kepada projek pembangunan negara.


"Kenapa kita ambil pendirian pendekatan B40, M40 dan T20 perlu berubah kepada pendekatan lebih tepat bagi mengukur kadar mampu belanja seseorang isi rumah?"

"Supaya kita dapat memastikan subsidi itu diberikan secara bersasar kerana perbelanjaan subsidi kita sebanyak RM86 bilion setiap tahun. Kita sudah lakukan menerusi subsidi elektrik dengan dasar sedia ada yang telah dilaksanakan.



RAFIZI

Langkah kurangkan kerajaan berhutang



Kerajaan mengumumkan kos subsidi elektrik RM5.2 bilion ditanggung sempena pelarasan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2023.

"Kerajaan dijangka dapat menjimatkan antara RM6 bilion hingga RM8 bilion setiap tahun untuk subsidi elektrik dan fokus seterusnya ialah subsidi diesel serta RON95," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, daerah-daerah termiskin di Sabah paling tinggi menerima peruntukan daripada Kementerian Ekonomi.

"Ada beberapa pendekatan yang segera kita buat, contohnya

kita pastikan mereka diberi keutamaan dalam permohonan projek-projek kecil.

"Dari segi pecahan saya tak ingat tetapi memang setakat ini peruntukan projek kecil daripada Kementerian yang paling tinggi diberikan kepada daerah-daerah termiskin di Sabah untuk membolehkan mereka menjalankan kerja-kerja infrastruktur dan sebagainya," jelas beliau.